

Penyampai : Y. BHG. TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Tajuk : MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI DALAM
JAWATAN UTAMA SEKTOR AWAM
Lokasi :
Tarikh : 25-08-2004

TALKING POINTS

Y.BHG. TAN SRI SAMSUDIN OSMAN

KETUA SETIAUSAHA NEGARA

DI MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT KENAIKAN

PANGKAT PEGAWAI-PEGAWAI DALAM JAWATAN UTAMA

SEKTOR AWAM PADA 25 OGOS 2004

Salutations dan ucapan aluan pembukaan

Bismillahir Rahmanir Rahim

Saudara Pengerusi Majlis

Y.Bhg. Tan Sri Jamaluddin bin Ahmad Damanhuri, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Y.Bhg. Tan Sri, Dato-Dato Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat

Y.Bhg. Dato-Dato, Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan tetamu yang diraikan,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

dan salam sejahtera

Syukur Alhamdulillah, di atas segala nikmat Allah S.W.T. kerana dengan limpah izinNya jua dapat kita berkumpul bersama-sama dalam majlis yang sungguh bermakna pada malam ini.

Terima kasih diucapkan kepada Y. Bhg. Tan Sri Jamaluddin, KPPA, yang telah menjemput saya untuk turut serta meraikan kejayaan Dato-Dato, tuan-tuan dan puan-puan dalam majlis pada malam ini serta memberi kesempatan kepada saya untuk mengenali saudara-saudari dengan lebih dekat. Eloklah saya mulakan dengan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Dato-Dato, tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah berjaya dinaikkan pangkat ke Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) dan Jawatan Khas Sektor Awam. Majlis pada malam ini dianjurkan istimewa untuk meraikan kejayaan Dato-Dato, tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Hadirin yang dihormati,

Tanggungjawab Sebagai Pemimpin

Saudara-saudari adalah sebahagian daripada sejumlah kecil penjawat awam yang berpeluang untuk mengisi jawatan-jawatan penting di dalam perkhidmatan Kerajaan. Oleh itu adalah amat wajar, saudara-saudari semua mula menyemak dan menyedari bahawa kenaikan pangkat ini datangnya bersama amanah yang lebih besar. Sehubungan dengan itu, cabaran-cabaran juga bertambah dan berbeza daripada sebelumnya. Persoalannya di sini ialah adakah kita mampu melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan cemerlang.

Amanah dan tanggungjawab yang paling utama ialah kepimpinan yang perlu kita laksanakan dalam membawa organisasi ke arah pencapaian matlamat dan objektif organisasi.

Bersedia melakukan banyak perubahan dan inovasi terutama dalam halatuju dan juga sistem bekerja. Seperti yang pernah dikatakan oleh YAB Perdana Menteri leadership in its true context should provide challenges and not follow the same path that had been taken by everyone.

Kita semua berada dalam kedudukan di mana kita berupaya mencorakkan persekitaran organisasi dan perkhidmatan kerajaan. Sama-samalah kita menjadi pemimpin yang berupaya memimpin organisasi bagi memenuhi ekspektasi yang tinggi daripada pelanggan iaitu rakyat dan stakeholders.

Pemimpin seharusnya berupaya menggariskan wawasan yang jelas, menetapkan objektif dan menggariskan halatuju entiti yang dipertanggungjawabkan kepadanya. Dalam usaha menggariskan wawasan, objektif dan strategi tersebut kita selaku pemimpin perlu sedar mengenai kepelbagaian kehendak pelanggan dan stakeholders.

Sedar dan peka dengan persekitaran yang dinamik dan mengambil peluang darinya serta proaktif mengenai kemungkinan yang akan timbul.

Sekiranya kita tidak menyedari perubahan di persekitaran, tidak berubah mengikut keperluan, kita tidak akan mempunyai daya tahan dan daya saing berbanding dengan lain-lain sektor, yang mana akhirnya dikhuatiri kita akan menjadi tidak relevan.

Perlu musahabah diri atau cermin diri sama ada kita telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan sempurna atau tidak; melihat semula segala kesilapan dan kelemahan diri dan apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi memperbaiki diri. Sekiranya ada performance atau competency gaps perlu mengambil langkah-langkah positif dengan meninjau balik apa ilmu dan kemahiran yang diperlukan supaya dapat memperlengkapkan diri untuk menjadi pemimpin yang berkesan dan boleh dicontohi oleh kakitangan di organisasi tanpa mengira sama ada mengetuai sebuah unit, bahagian atau pun jabatan.

Kemahiran Memimpin dan Kemahiran Mengurus

Kemahiran memimpin dan kemahiran mengurus adalah amat diperlukan bagi memastikan organisasi dan negara dapat bergerak dengan lebih pantas lagi bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

Kemahiran-kemahiran yang berkaitan juga diperlukan bagi membantu kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan program dan projek yang telah dirancang.

Kemahiran pengurusan kewangan, perakaunan, integriti untuk memastikan adanya konsistensi dalam pelaksanaan, bagi membolehkan pencapaian objektif dan kesamarataan perkhidmatan kepada pelanggan.

Kemahiran komunikasi dan interpersonal bagi membolehkan kita mempengaruhi dan menggerakkan warga organisasi untuk terus memberi komitmen dan berubah untuk kebaikan.

Kemahiran negotiation, dan penguasaan Bahasa Inggeris adalah bagi membolehkan kita mendapat manfaat yang sewajarnya apabila kita berurusan dengan pihak lain, serta merebut peluang yang ada daripada proses globalisasi masa kini.

Kemahiran-kemahiran yang disebutkan tadi adalah antara kemahiran yang telah dikenalpasti sebagai kelemahan-kelemahan kita. Kita telahpun mengambil tindakan-tindakan yang sesuai seperti mengadakan kursus kewangan untuk ketua-ketua jabatan dan kursus Bahasa Inggeris untuk penjawat awam.

Kita perlu berusaha memastikan bahawa kecekapan organisasi adalah menyeluruh, bukan bersifat sebahagian. Kecekapan yang bersifat sebahagian, iaitu terletak kepada kecemerlangan seorang, dua orang atau sebahagian kecil daripada warga organisasi tidak akan kekal lama (tiada sustainability) dan tidak akan berdaya maju. Ini kerana, apabila masa berlalu dan orang-orang berkenaan yang menjadi tunggak kepada kecemerlangan organisasi telah tiada, daya maju dan daya saing organisasi akan menurun. Dalam hubungan ini, selaku pemimpin yang berada di dalam kedudukan yang boleh mempengaruhi, adalah penting bagi kita memastikan wujudnya budaya kerja yang positif dalam organisasi. Sesuatu yang menjadi budaya, kebiasaannya akan terus kekal lama.

Saya kira tidak perlulah saya jelaskan lagi kepentingan kepimpinan dalam organisasi. Saudara-saudari telah dan akan didedahkan dengan berbagai-bagai teori kepimpinan semasa menjalankan tugas masing-masing nanti. Nasihat saya ialah pastikan kita sedar tentang pentingnya kita memelihara kredibiliti kita sebagai pemimpin. Pemimpin perlu mempunyai ciri-ciri dan kualiti peribadi yang baik, dan mengamalkan nilai-nilai murni dan positif. Dengan ini saudara-saudari akan lebih disegani dan dihormati.

Penambahbaikan dan Menyemak Kelemahan-kelemahan Sedia ada

Kajian secara berterusan terhadap segala peraturan, prosedur dan proses kerja bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan ke arah mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih integrated, friendly, cekap dan berkesan.

Mempercepatkan proses permohonan serta mengurangkan masa menunggu untuk sesuatu permohonan diluluskan supaya negara sentiasa mempunyai competitive edge dalam perdagangan antarabangsa dan industri.

Perlu mempertingkatkan ilmu pengetahuan atau knowledge building di kalangan penjawat awam supaya dapat kekal relevan dalam era k-ekonomi masa kini.

Capacity building adalah juga penting bagi mewujudkan pegawai dan kakitangan yang kompeten, berkemahiran dan berilmu melalui pembelajaran yang berterusan.

Bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam forum-forum antarabangsa, pegawai-pegawai kerajaan perlu mempunyai kemahiran untuk berkomunikasi secara berkesan dan mempunyai kepakaran dalam bidang perundingan di peringkat antarabangsa. Oleh itu kemahiran dalam Bahasa Inggeris, khususnya, dan bahasa-bahasa lain amnya, sangat dipentingkan.

Kita sewajarnya menilai semula prestasi kita yang lalu, melihat akan kelemahan-kelemahan, kekuatan, kejayaan yang telah tercapai dan rancangan yang tidak kesampaian, baik bagi diri kita atau organisasi yang kita pimpin. Dengan lain perkataan proses pengurusan strategik jabatan atau agensi hendaklah merupakan satu proses yang berterusan. Ini amat perlu untuk kita menggorak langkah yang sesuai dalam merencana program bagi memperbaiki kelemahan yang ada dan menggariskan tindakan untuk meningkatkan perkhidmatan kita kepada orang ramai.

Sebagaimana yang kita sendiri ketahui bahawa kita masih mempunyai beberapa kelemahan tertentu khususnya dalam aspek pengurusan kewangan, pengurusan perakaunan, pelaksanaan projek, kredibiliti pemimpin-pemimpin dalam perkhidmatan kerajaan dan juga isu-isu keutuhan perkhidmatan. Sekiranya ini tidak diendahkan dan tidak dianggap serius, maka adalah dibimbangi ia akan mencacatkan lagi tahap profesionalisme perkhidmatan kerajaan. Apabila ini berlaku, adalah dikhuatiri akan menjejaskan proses perancangan dan pembangunan negara, yang mana akhirnya akan menjejaskan kemakmuran negara.

Memang telah banyak yang kita telah lakukan bagi memastikan adanya penambahbaikan seperti memberi perhatian kepada kehendak pelanggan melalui maklumbalas dan pelaksanaan Program Hari Bertemu Pelanggan. Kita juga telah melaksanakan program-program ICT bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan di tahap yang lebih baik dan berkesan. Kursus-kursus kepada semua ketua-ketua organisasi mengenai pengurusan kewangan juga telah dijalankan.

Isunya disini ialah bagaimana untuk memastikan usaha-usaha tersebut adalah berterusan, serta menghasilkan penambahbaikan yang nyata dan benar-benar memberi manfaat yang maksimum kepada pelanggan.

Etika dan Integriti

Kita hendaklah memastikan warga Kerajaan mempunyai tahap etika dan integriti yang tinggi. Walaupun tahap rasuah di negara ini adalah rendah berbanding dengan negara membangun lain, namun jika dibandingkan dengan negara jiran seperti Singapura, kedudukan kita dalam persepsi antarabangsa, ternyata tidak begitu membanggakan. Apakah yang boleh kita (selaku pemimpin) lakukan? Kita telahpun ada mekanisme dan struktur berhubung dengan isu keutuhan pengurusan dan integriti ini. Sejauh manakah keberkesanan pelaksanaannya di organisasi kita?

Etika dan integriti sememangnya penting dan kritikal di dalam perkhidmatan awam kerana perkhidmatan awam bertanggungjawab menjaga dan mentadbir kewangan awam demi kepentingan masyarakat.

Di dalam hubungan ini, amalkanlah prinsip Kepimpinan Melalui Teladan dan etika yang baik. We must practice what we preach. Kita juga hendaklah sentiasa mengingatkan diri kita dan antara satu sama lain,

supaya mengamalkan kejujuran dan integriti semasa memimpin.

Kesedaran dalam iaitu sense of ethics and integrity adalah penting bagi seorang pemimpin menjalankan tugas tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya.

Prinsip Neutrality Kepada Pemerintah

Kadangkala terdapat kekeliruan dikalangan anggota Kerajaan mengenai prinsip neutrality penjawat awam. Prinsip ini sebenarnya menuntut taat setia penjawat awam kepada pemerintah semasa.

Kita seharusnya berusaha mengekalkan kepercayaan dan memperlihatkan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara dan kerajaan yang memerintah. Kita sentiasa perlu memperbaharui azam dan tekad untuk berkerja dengan lebih rajin dan memberi khidmat yang sebaik mungkin untuk negara kita. Selaras dengan akujanji yang telah kita tandatangani, kita adalah dikehendaki berkhidmat dengan penuh tanggungjawab dan taat setia kepada yang Dipertuan Agong, negara dan kerajaan yang memerintah.

Penutup

YAB Perdana Menteri pernah menyatakan bahawa faktor-faktor yang membantu menentukan kemakmuran rakyat ialah:

Usaha gigih, pengorbanan dan ikhtiar;

Perancangan, dasar dan strategi yang baik;

Kecekapan pentadbiran;

Rekod rasuah yang baik;

Keamanan dan kestabilan; dan

Pegangan kepada nilai-nilai mulia yang secocok dengan ajaran agama.

Beliau juga menyatakan bahawa untuk menentukan kemerdekaan kita berterusan, kita perlu kepada jentera pentadbiran yang berdisiplin, profesional dan cekap.

Oleh itu cabaran kepada Perkhidmatan Awam ialah, kita tidak harus berpuas hati dengan prestasi yang telah ditunjukkan selama ini. Memang telah banyak penambahbaikan yang telah kita lakukan. Malah kini kita masih lagi berusaha melihat kelemahan-kelemahan yang ada dan membuat pembetulan serta penambahbaikan di mana perlu.

Karenah birokrasi yang disebut-sebut sebagai salah satu faktor kelemahan pengurusan dalam

Perkhidmatan Awam hendaklah kita beri perhatian sama ada di peringkat agensi pusat, mahu pun di peringkat agensi pelaksana. Kita sebagai pemimpin dalam Perkhidmatan Awam hendaklah sentiasa berusaha menanam sikap memudahkan. Memudahkan perubahan ke arah kerjasama yang lebih erat (smart partnership) antara semua sektor dalam negara, responsif kepada kehendak sektor-sektor lain, stakeholder dan pelanggan. Hanya dengan cara ini, kita dapat menjadi tulang belakang Kerajaan yang utuh, menjadi pemimpin antara sektor-sektor dalam Kerajaan dan menjadi penghubung yang cekap antara pemerintah dan sektor-sektor lain.

Akhir kata, saya mengucapkan SELAMAT MAJU JAYA kepada saudara-saudari semua.

Sekian,

Wabillahitaufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.